



# Buletin

# ACIS

Sya'ban - Ramadhan 1443/ April 2022

## APA ITU PELABURAN SAHAM?



# PERCAYA PADA REZEKI ALLAH

Oleh:

**Siti Saufirah Mohd Tahir**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau



Allah menentukan kadar rezeki dengan kehendak-Nya yang sebahagian daripada kehendak-Nya itu dikaitkan dengan peraturan alam yang Dia tetapkan. Sesiapa yang keluar mencari rezeki dengan memenuhi percaturan alam ini maka Dia membuka jalan rezeki untuk hamba itu. Sesiapa yang tidak berusaha, maka tiada rezeki untuknya. Walaubagaimanapun Allah boleh melakukan dengan kehendak-Nya luar daripada kebiasaan percaturan alam. Maka tidak mustahil ada yang memenuhi peraturan alam tidak mendapat rezeki sementara yang tidak berusaha tiba-tiba hadir untuknya rezeki tertentu. Kuasa Allah merentasi segalanya.

Maka jangan hairan jika si miskin tidur lena dalam rumah buruknya, si kaya pula kegelisahan dalam banglo mewahnya. Jangan hairan jika rakyat bawahan makan dengan sedapnya, sementara raja dan menteri hilang selera. Jangan hairan jika ilmuwan lebih dihormati daripada menteri. Rezeki itu pelbagai, yang dikurniakan makanan, belum tentu dikurniakan selera. Maka, janganlah kita melihat rezeki itu hanya pada satu sudut semata sehingga kita merasa rezeki kita kurang dalam semua sudut dibandingkan orang lain.